KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	22.02.22	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	TNB			

Kerjasama strategik TNB, MBI promosi kehidupan lestari

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) komited membantu Ipoh mencapai impian menjadi bandar raya pintar, berdaya huni, berdaya tahan dan lestari menjelang 2030 melalui kerjasama strategik dengan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI).

Kerjasama strategik itu bagi membekalkan produk dan perkhidmatan kecekapan tenaga serta solusi tenaga boleh baharu (RE) bagi mempromosikan kehidupan lestari serta hijau.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Baharin Din berkata, TNB menghargai kerjasama kukuh yang dibina selama ini dengan MBI.

Katanya, TNB percaya inisiatif terbaharu ini amat penting untuk membantu bandar raya Ipoh menjadi model Bandar Pintar di Malaysia menjelang 2030 sejajar dengan Hala Tuju Kelestarian syarikat utiliti itu untuk mencapai pelepasan sifar bersih 2050.

"Melalui perancangan teliti dan perkongsian kepakaran di seluruh TNB, kami yakin dapat menunaikan janji kami untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi menyokong kedua-dua aspek ekonomi dan kebajikan sosial penduduk Ipoh dalam mencapai Pelan Tindakan Bandar Pintar Ipoh 2020 hingga 2030," katanya dalam kenyataan.

Kerjasama TNB dan MBI ke arah itu bermula Januari tahun lalu melalui program Smart City Blueprint yang mana MBI, TNB dan GSPARX, telah menandatangani SARE bagi pemasangan solar panel fotovoltaik di bangunan Pusat Transformasi Bandar (UTC).